



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK
PEMBANGUNAN DI BAWAH
RANCANGAN JOHOR LIMA TAHUN 2016-2020**

Tujuan

1. Tujuan Garis Panduan ini adalah untuk memberi panduan kepada pihak-pihak yang berkaitan kaedah pelaksanaan projek-projek pembangunan dalam tempoh 2016-2020 di bawah Rancangan Johor 5 Tahun (RJ5T).

Latar Belakang

2. Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Am Kerajaan Johor Bilangan 2 Tahun 2015 bertarikh 9 September 2015 dan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Johor Bilangan 1/2016 bertarikh 25 Januari 2016 atau apa-apa pekeliling yang masih berkuatkuasa.
3. Pelaksanaan projek-projek pembangunan adalah tertakluk kepada penyenaian projek-projek yang telah dikeluarkan oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor berdasarkan pandangan daripada Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor. Senarai projek-projek yang disenaraikan adalah berdasarkan batas bajet 2016 yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

4. Semua permohonan peruntukan belanja pembangunan yang memerlukan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan, kertas kerja perlulah disediakan dan mendapatkan ulasan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor terlebih dahulu sebelum dibawa untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan.
5. Semua jenis perolehan di bawah belanja pembangunan yang bernilai melebihi RM 100,000.00 dalam tahun kewangan semasa atau dalam satu Kontrak / Pesanan Tempatan / Inden Kerja, perlu terlebih dahulu mendapat Kelulusan Kebenaran Berbelanja dari Y.B Pegawai Kewangan Negeri sebelum perolehan dilaksanakan.
6. Pelaksanaan projek / program di bawah belanja pembangunan dengan nilai RM 500,000.00 dan ke atas hendaklah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan kecuali bagi perolehan aset.
7. Bagi jabatan / agensi di bawah PTJ Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), sebarang peningkatan kos terhadap projek pembangunan yang akan dilaksanakan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor untuk pertimbangan.
8. Bagi lain-lain PTJ yang melaksanakan projek pembangunan, sebarang peningkatan kos terhadap projek pembangunan yang akan dilaksanakan hendaklah dikemukakan kepada YB Pegawai Kewangan Negeri untuk pertimbangan.

Tanggungjawab Pegawai Pengawal

9. Pegawai Pengawal adalah dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang telah diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2016. Perbelanjaan ke atas sesuatu Maksud atau Butiran tidak boleh melebihi jumlah yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2016 dan juga tidak melebihi jumlah anggaran Keperluan atau Siling Peruntukan RJ5T.
10. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan berhemat serta mengutamakan nilai untuk wang (value for money). Semua perbelanjaan hendaklah dibuat perancangan dengan teliti supaya tidak melebihi peruntukan yang disediakan dan mengelakkan pembaziran.
11. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab memastikan perbelanjaan dibuat mengikut tatacara kewangan yang betul sepertimana Pekeliling Perbendaharaan Negeri Johor Bil 1/2016 dan lain-lain pekeling yang masih berkuatkuasa.
12. Pegawai Pengawal bertanggungjawab memastikan penyaluran peruntukan kepada agensi pelaksana dibuat berdasarkan kemajuan projek bagi memastikan peruntukan yang diberi kepada agensi tersebut dibelanjakan sepenuhnya ke atas projek berkenaan.
13. Pegawai Pengawal hendaklah mengambil langkah meningkatkan keberkesanan perbelanjaan awam dan mengutamakan keberhasilan (outcome) dalam melaksanakan sesuatu program / aktiviti. Bagi tujuan

tersebut, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki untuk melaksanakan penilaian terhadap program / aktiviti sedia ada, menyusun semula program / aktiviti mengikut keutamaan, mengelakkan pertindihan di antara program / aktiviti, menghentikan program / aktiviti yang didapati tidak berkesan serta melaksanakan pengagihan semula (redeploy) sumber-sumber sedia ada seperti peruntukan, asset dan perjawatan.

Pemantauan Pelaksanaan Projek Pembangunan

14. Jawatankuasa Pemantauan Bajet Pembangunan Negeri diwujudkan untuk memantau dan menilai status pelaksanaan projek pembangunan secara keseluruhan termasuk prestasi kewangan, fizikal dan outcome. Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh:-
 - 13.1 Y.B Setiausaha Kerajaan Johor atau wakil (Pengerusi)
 - 13.2 Y.B Pegawai Kewangan Negeri atau wakil
 - 13.3 Pengarah UPEN
 - 13.4 Ketua Jabatan bagi PTJ yang menerima bajet pembangunan
 - 13.5 Pegawai Sektor UPENJ
 - 13.6 Lain-lain jabatan/agensi yang difikirkan perlu
15. Jabatan / Agensi-agensi pelaksana hendaklah menghantar laporan prestasi pelaksanaan projek pembangunan pada setiap Tiga (3) bulan atau suku tahunan kepada seksyen Bajet Pembangunan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor bagi tujuan semakan dan seterusnya penilaian oleh Jawatankuasa Pemantauan Bajet Pembangunan Negeri.


16. Bagi jabatan / agensi di bawah PTJ Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), pengagihan bajet dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan dan prestasi semasa jabatan/agensi.

Permohonan Waran-Waran Peruntukan

17. Bagi jabatan di bawah PTJ Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), semua permohonan waran ke atas projek-projek pembangunan hendaklah dihantar ke Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor melalui format yang telah disediakan. Waran-waran akan dikeluarkan kepada jabatan-jabatan mengikut perancangan secara suku tahunan dan setelah program/projek mendapat mendapat persetujuan untuk dilaksanakan.

18. CARTA ALIR PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PELAKSANAAN PROJEK

18.1 Projek Pembangunan di bawah PTJ UPENJ



Sebarang Pertanyaan Berhubung Garis Panduan

19. Sebarang pertanyaan, surat-menyurat dan e-mel mengenai Garis Panduan ini hendaklah dikemukakan kepada:

Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

Aras 3, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad

Kota Iskandar, 79000, Nusajaya

(u/p : Seksyen Bajet Pembangunan)

Tel : 07-266 6618

Faks : 07-290 9992/3

E mel : rj5t@johor.gov.my

20. Semua /jabatan/agensi adalah diminta untuk mematuhi segala garis panduan yang telah disediakan bagi memastikan segala perancangan projek-projek pembangunan RJ5T dapat dilaksanakan dengan berkesan dan menepati objektif dan matlamat yang telah ditetapkan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(DATO' HAJI ISMAIL BIN KARIM)

Setiausaha Kerajaan Johor

Tarikh : **10 12 MAR 2016**